

VSS: Memorandum dihantar kepada PM

UM 17 FEB 2002

Oleh MOHD TAUFEEK RAZAK

KUALA LUMPUR 16 Feb. — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri pada akhir bulan lalu bagi memastikan nasib kakitangan bank yang berhenti secara sukarela (VSS) atau dibuang kerja mendapat pembelaan sewajarnya.

Presiden MTUC, Senator Datuk Zainal Rampak berkata, memorandum itu dihantar kerana pihaknya amat kecewa dengan sikap pihak pengurusan beberapa bank teras selepas berlakunya proses penggabungan baru-baru ini.

Menurut beliau, memorandum itu diminta sendiri oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas MTUC membawa masalah itu ke pengetahuannya dalam satu pertemuan pada 8 Disember lalu.

“Dulu Bank Negara (era Tan Sri Ali Abul Hassan) berjanji tidak akan berlaku sebarang pembuangan pekerja tetapi hanya selepas dua tahun, ia berlaku.

“Pihak pengurusan bank kemudian bongkak dengan membuang pekerja dan perbuatan mereka memberi kerja kepada pihak luar (pekerja kontrak) perlu dihentikan segera,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Kesatuan Pegawai-Pe-

gawai Bank Bumiputra-Commerce (Kepak) di Menara Bank Muamalat di sini, hari ini.

Menurut Zainal, beliau akan menemui Dr. Mahathir bagi membincangkan perkara itu selepas Perdana Menteri kembali ke tanah air pada 28 Februari ini.

Kata beliau, pihaknya bukan saja akan membela nasib ahli-ahli Kepak tetapi semua rungutan daripada kesatuan bank-bank lain akan turut dikedengarkan dalam perbincangan dengan Perdana Menteri.

“Kita amat kecewa, kenapa pihak pengurusan bank (teras) tidak mahu langsung berbincang dengan pihak kesatuan.

“Kita juga minta bank hentikan VSS dan pengambilan pekerja kontrak dengan serta merta.

“Itu yang penting. Selepas itu barulah kita boleh panggil mereka masyarakat korporat yang bertanggungjawab,” tegasnya.

Terdahulu pada majlis yang sama, Kepak telah membangkitkan beberapa usul kepada Zainal mengenai penganiayaan dan penindasan yang berlaku ke atas ahli-ahlinya.

Antara keluhan Kepak ialah bekas ahli mereka yang telah ditamatkan perkhidmatan tidak dibayar faedah penamatan perkhidmatan selama tiga bulan gaji, bayaran gratuiti dan dana gratuiti yang ‘dirampas’ daripada mereka oleh pengurusan bank teras.

Sementara itu, MTUC turut mengemukakan majikan di negara ini kerana mengabaikan pekerja tempatan tetapi lebih mengutamakan pekerja asing yang lebih murah.

Malah, menurut Zainal, dalam mengambil pekerja asing juga, majikan Malaysia hanya memilih yang paling murah dan enggan mengambil pekerja daripada negara bekas blok Rusia berbanding dari Indonesia dan Bangladesh.

“Majikan sepatutnya hanya dibenarkan mengambil pekerja asing bagi sektor pertanian serta pembinaan dan kita mahu ia dibuat antara kerajaan dengan kerajaan dan bukannya melalui agensi pekerjaan.

“Memang MTUC menentang habis-habisan langkah membawa masuk pekerja asing kerana kesannya akan sampai kepada pekerja tempatan akhirnya,” ujarnya.

Beliau berkata, pekerja asing membawa keluar wang Malaysia sebanyak RM3 bilion setiap tahun ketika pekerja tempatan terus disisihkan.

Katanya, adalah sukar bagi penduduk tempatan menerima tawaran gaji sebanyak RM350 tetapi mereka akan gembira untuk menyertai sesuatu pekerjaan jika cadangan gaji minimum RM900 dapat dilaksanakan oleh kerajaan termasuk dalam sektor pembinaan.